

## SESI PERKONGSIAN ILMU - RISIKO PERNIAGAAN



Sesi perkongsian oleh Encik Rahmat bin Hussin, Pengurus Unit Perancangan Strategik

Kuantan, 11 Disember - Satu sesi perkongsian ilmu berkaitan Risiko Perniagaan telah dianjurkan oleh Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia di Dewan EDC, Tingkat 3, Kompleks Teruntum baru - baru ini.

Sesi ini telah dikendalikan oleh Pengurus Perancangan Strategik, Encik Rahmat bin Hussin dan dihadiri seramai 16 pegawai PKNP. Antara intipati perkongsian adalah mengenai cara mengenal pasti dan mengawal risiko dalam perniagaan bagi mencapai sasaran Pelan Strategik PKNP 2020 - 2026.

## UJIBAKAT PENCARIAN SUARA EMAS - PEMBACA BERITA RADIO MEDIA PERBADANAN PKNP

Kuantan, 17 Disember - Satu ujibakat untuk mencari bakat - bakat baru sebagai pembaca berita radio Media Perbadanan PKNP bagi sesi 2021 telah dijalankan pada hari ini di Kompleks Teruntum. Ujibakat yang dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Korporat PKNP ini bertujuan untuk menyediakan platform kepada anggota pekerja baharu dan lama bagi menonjolkan potensi mereka. Seramai 21 anggota pekerja PKNP telah menjalani ujibakat ini dan diadili oleh Pengurus Bahagian Hal Ehwal Korporat PKNP, Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim dan Pengurus Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan, Encik Nasry bin Kassim.



Ujibakat Pencarian Suara Emas mendapat sambutan yang menggalakkan daripada anggota kerja PKNP

### Sidang Redaksi

Penaung / Penasihat  
 ◆ Encik Mohd Faizal bin Jaafar  
 KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Penyelaras Penerbitan  
 ◆ Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

Ketua Editor  
 ◆ Encik Mohd Fahmi bin Abdul Ghani

Grafik  
 ◆ Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasli  
 ◆ Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman

Jurufoto  
 ◆ Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman



## KUNJUNGAN HORMAT KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KEPADA PEGAWAI DAERAH LIPIS



Mesyuarat di Pejabat Daerah dan Tanah Lipis dipengeruskan oleh oleh Pegawai Daerah Lipis, Dato' Mohd Hafizi bin Ibrahim.

Kuantan, 4 Disember - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Daerah dan Tanah Lipis. Kunjungan ini disambut oleh Pegawai Daerah Lipis, Dato' Mohd Hafizi bin Ibrahim.

Program ini bertujuan untuk membincangkan isu-isu berkaitan cadangan pembangunan ekonomi terutamanya yang melibatkan tanah-tanah PKNP di Daerah Lipis. Perbincangan turut disertai wakil Majlis Daerah Lipis.

Program ini turut disertai oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun, Pengurus Perindustrian, Tuan Haji Md Daud bin Abdul Rahman, Pengurus Pemantauan Perniagaan, Encik Mohd Razif bin Abdul Malek, Pengurus Pembangunan Hartanah, Encik Azis bin Muhammad, Penolong Pengurus Perindustrian, Encik Mohd Rizal bin Redzuan dan Penolong Pengurus Pembangunan Hartanah, Encik Ahmad Nur Azrul Che Razali.

## KETUA PEGAWAI ESKSEKUTIF MERASMIKAN MESYUARAT AGONG KELAB KELUARGA KUMPULAN PKNP DAN TABUNG KHAIRAT KEMATIAN KUMPULAN PKNP



Ketua Pegawai Eksekutif hadir merasmikan mesyuarat yang diadakan dalam norma baharu.

Kuantan, 8 Disember - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar telah merasmikan Mesyuarat Agung Dwi - Tahunan Kelab Keluarga Kumpulan PKNP kali ke - 17 sesi 2020 / 2021 dan Mesyuarat Agung Tabung Khairat Kematian Keluarga Kumpulan PKNP sesi 2020 / 2021 pada hari ini di Dewan Utama EDC, Kompleks Teruntum.

Majlis perasmian dan mesyuarat ini telah dilaksanakan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan dengan jumlah

kehadiran kurang dari 30 orang, melaksanakan penjarakan fizikal dan mewajibkan pemakaian pelitup separuh muka. Majlis ini juga meraikan persaraan Setiausaha Agung Kelab Keluarga Kumpulan PKNP, Encik Nasir bin Manan yang telah berkhidmat selama 32 tahun. Bagi memastikan anggota kerja PKNP yang lain dapat turut serta, mesyuarat ini dipancarkan secara langsung dari Dewan Utama EDC melalui aplikasi Zoom. Seramai 80 orang anggota kerja PKNP telah menghadiri majlis ini secara atas talian.

Turut hadir Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun merangkap Pengerusi Tabung Khairat Kematian Keluarga Kumpulan PKNP; Setiausaha Perbadanan, Datin Noraskin binti Jamaludin; Pengerusi Kelab Keluarga Kumpulan PKNP, Tuan Haji Md Daud bin Abdul Rahman dan ahli jawatankuasa kelab.

## MESYUARAT AHLI LEMBAGA PENGARAH TGA SOLUTIONS SDN BHD - PKNP TAMBAH PEGANGAN SAHAM



Simbolik penyerahan saham kepada PKNP dari YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Dato' Sri Sallehuddin bin Ishak

Kuantan, 10 Disember - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar telah menghadiri mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah TGA Solutions di Wisma Sri Pahang baru-baru ini.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak ini bertujuan antara lain untuk membincangkan pembangunan dan pengurusan sumber dana di Kawasan Perindustrian Tanjung Agas, Pekan.

Pada mesyuarat yang sama, turut diadakan sesi penyerahan sijil saham bagi tambahan saham PKNP dalam TGA Solutions Sdn Bhd. oleh YB Setiausaha Kerajaan Pahang kepada Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar.

Mesyuarat ini turut dihadiri oleh Pengurus Perindustrian, Tuan Haji Md Daud bin Abdul Rahman dan Pengurus Teknik, Tuan Haji Mohamad Hasrizal bin Hasim. Hadir bersama Ketua Pegawai Eksekutif TGA Solutions Sdn. Bhd. serta Ahli-Ahli Lembaga Pengarah syarikat tersebut.

## PKNP MENANDATANGANI PERJANJIAN USAHASAMA DENGAN MAJUTERA MAKMUR SDN BHD

Kuantan, 11 Disember - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar menandatangani perjanjian usahasama antara PKNP dengan Majutera Makmur Sdn Bhd (MMSB) pada petang ini di Bilik Mesyuarat Lembaga, Kompleks Teruntum.

Perjanjian ini ditandatangani bertujuan untuk membangunkan perumahan Chendor, Mukim Sungai Karang, Kuantan yang melibatkan 170 unit rumah meliputi 4 fasa pembangunan. Pembinaan fasa 1 dijangka bermula pada tahun 2021. Majutera Makmur Sdn Bhd (MMSB) diwakili oleh YH Dato' Hashim bin Ismail, Encik Dick Hilmi bin Hassan dan Encik Masri bin Mukhtar.



Encik Mohd Faizal mewakili PKNP menandatangani perjanjian bersama Majutera Makmur Sdn Bhd

Turut hadir menyaksikan sesi petang ini adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun, Pengurus Hal Ehwal Korporat, Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim, Pengurus Bahagian Khidmat Perundangan, Puan Salwa binti Mohd Kasim dan Pengurus Bahagian Pembangunan Hartanah, Encik Azis bin Muhamad.

DISEMBER  
2020

Aspirasi  
Kemiskinan

# PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | [www.pknp.gov.my](http://www.pknp.gov.my)

## 2021 | SELAMAT TAHUN BARU

### MESYUARAT AHLI PERBADANAN PKNP BIL 4/2020

Kuala Lumpur, 21 Disember - Mesyuarat Ahli Perbadanan PKNP telah dipengerusikan oleh YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail di Kuala Lumpur pada hari ini.

Mesyuarat ini diadakan untuk membincangkan hala tuju serta prestasi semasa kewangan PKNP dan pembentangan bajet 2021.

Mesyuarat ini turut dihadiri oleh Ahli - Ahli Perbadanan PKNP dan Pengurusan PKNP yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun; dan Setiausaha Perbadanan PKNP, Datin Hajah Noraskin binti Jamaluddin, Pengurus - Pengurus dan wakil Bahagian Hal Ehwal Korporat. Sementara itu, satu memorandum persefahaman (MOU) telah ditandatangani di antara Taraf Raya, China Communications Construction Company (ECRL) Sdn Bhd dan Malaysia Rail Links (MRL) Sdn Bhd. MOU ini dijangka dapat memperkukuhkan usahasama PKNP di dalam projek ECRL di Negeri Pahang di samping membantu usahawan-usahawan bumiputera Negeri Pahang sendiri.



Mesyuarat Ahli Perbadanan dipengerusikan oleh YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail.

### PENGIKTIRAFAN KERAJAAN NEGERI PAHANG - PKNP TERIMA SIJIL PENGHARGAAN



Encik Mohd Faizal menerima sijil penghargaan dari YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail

Kuantan, 15 Disember - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar menerima sijil penghargaan daripada YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail bagi pihak PKNP dalam satu Majlis Ramah Mesra Bersama Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurus Besar Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) Negeri Pahang di Kediaman Rasmi Menteri Besar Pahang malam tadi.

Penghargaan ini diberikan di atas khidmat bakti PKNP dalam menjayakan agenda pembangunan serta kebajikan rakyat bersama-sama kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur 2018 - 2020.